

14 JULY 2000

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA SULTAN BRUNEI

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah mengutus ucap tahniah kepada Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah sempena Hari Keputeraan ke-54 baginda esok.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka berdua melahirkan rasa gembira dan bersyukur melihat perhubungan dan persahabatan yang erat di antara Malaysia dan Brunei Darussalam yang dipupuk sekian lama, telah berkembang dengan lebih bermakna.

Seri Paduka bertitah perkembangan perhubungan dan persahabatan itu adalah berkat usaha Sultan Brunei dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kedua-dua kerajaan.

"Paduka Kekanda penuh yakin bahawa keeratan hubungan dan kerjasama yang telah sekian lama dipupuk bersama, oleh Malaysia dan negara Brunei Darussalam akan terus berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang," titah Seri Paduka.

Dr Mahathir dalam perutusannya kepada Sultan Brunei berharap hubungan yang amat baik dan erat antara para pemimpin dan rakyat kedua-dua negara akan berkekalan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan tahniahnya kepada Menteri Hal Ehwal Luar Brunei Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkata Malaysia sentiasa menghargai hubungan dan kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat Brunei Darussalam.

-- BERNAMA
NHD ES RON